

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	26 JANUARY 2017

GERAKAN DR. MAHATHIR

UM - 26/1/2017

AKHBAR *Sin Chew Daily* bertarikh 19 Januari 2017 menyiarkan artikel berhubung gerakan yang sedang dilakukan oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad untuk menumbangkan kerajaan Barisan Nasional (BN) pada Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) akan datang.

Menerusi artikel bertajuk, *Sumpahan Mahathir* disiarkan dalam ruangan *Pandangan* halaman 20, penulisnya, Long Yew Hock telah mengupas beberapa isu berkaitan gerakan tersebut termasuk janji Dr. Mahathir untuk menghapuskan cukai barang dan perkhidmatan (GST) sekiranya pakatan pembangkang menang pada pilihan raya umum tersebut.

Janji untuk memansuhkan GST itu kemudian telah disambut dengan tepukan gemuruh oleh para penyokong pakatan pembangkang. Mereka memuji langkah tersebut sambil melaung-laungkan agar bekas Perdana Menteri itu dianugerahkan umur yang panjang.

Bagaimanapun timbul beberapa persoalan sekiranya GST dimansuhkan, antaranya tentang kestabilan kewangan negara memandangkan harga minyak mentah dunia jatuh merudum sehingga menjejaskan pendapatan negara.

Satu lagi persoalan, adakah negara mempunyai pendapatan lain (jika GST dihapuskan) untuk menampung segala kekurangan perbelanjaan kerajaan berikutan kejatuhan harga minyak dunia? Atau negara perlu membuat pinjaman untuk memastikan segala urusan pentadbiran kerajaan tidak terjejas.

Penulis juga membangkitkan persoalan, sekiranya ada pilihan lain, adakah kerajaan Barisan Nasional (BN) akan terus melaksanakan GST? Semuanya ini masih dalam bentuk persoalan yang boleh difikirkan bersama.

Dalam artikel itu turut diulas tentang langkah Dr. Mahathir yang mempertingkatkan pelaksanaan program Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) iaitu satu bentuk bantuan kewangan yang diberikan secara terus kepada kumpulan rakyat memerlukan berdasarkan kelayakan masing-masing.

Tujuannya adalah untuk merendah-rendahkan kewibawaan kerajaan sedia ada yang diterajui oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak apabila dikatakan menggunakan BR1M untuk menarik sokongan rakyat terhadap BN.

Artikel itu menyebut untuk jumlah RM1,200 (pemberian BR1M) mungkin tidak memberi kesan kepada golongan pertengahan atau mereka yang tinggal di kawasan bandar tetapi bagi sebilangan besar penduduk bumiputera yang tinggal di kawasan kampung, luar bandar dan pedalaman jumlah sebanyak itu adalah amat besar.

Malah dengan wang tersebut, mereka dapat menampung sara hidup keluarga masing-masing untuk tempoh sebulan. Itulah kelebihan yang ada pada BN. Persoalannya, parti mana yang mampu mengikut cara dan corak pentadbiran BN yang sering turun padang ke kampung-kampung?

Selain BN, parti manakah yang mampu kotakan janji dan berikan bantuan khusus membantu golongan miskin? Jelas, jika anda berada di tempat mereka, sudah pasti anda juga akan rela hati memilih parti yang terbukti berjasa. Bukannya parti yang tidak memberikan sebarang jaminan apatah lagi melibatkan sebuah pakatan parti politik yang bila-bila masa sahaja boleh berpecah-belah.

Inilah antara ancaman yang terpaksa dihadapi oleh Dr. Mahathir dalam gerakan politiknya ketika ini. Dr. Mahathir sudah tentu lebih faham tentang sikap dan pemikiran orang kampung kerana beliau sendiri yang menyorakkan pemikiran mereka sebelum ini.

Golongan itu jugalah yang memberikan kemenangan kepada Dr. Mahathir selama berpuluh-puluh tahun dalam beberapa siri pilihan raya umum sebelum melepaskan jawatannya sebagai Perdana Menteri.

Dalam pada itu, penulis artikel turut menyentuh tentang kegagalan Dr. Mahathir melihat dengan lebih jelas watak pakatan pembangkang. Yang pasti, sejak bertahun-tahun lamanya pakatan berkenaan hanya tahu membangkang.

Bukan itu sahaja setiap parti dalam pakatan pembangkang juga tiada persefahaman seiring dengan kerjasama yang dibentuk selama ini. Itulah masalah paling besar yang terpaksa dihadapi oleh pakatan tersebut.

Selain faktor membabitkan Penasihat PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 2008, 2013 dan tahun-tahun kebelakangan ini, pakatan pembangkang dilihat tidak berusaha membuat persediaan bersama-sama untuk menghadapi PRU-14 akan datang.

Sebenarnya perpecahan di antara parti pembangkang begitu ketara dan mungkin hal itu adalah di luar jangkaan Dr. Mahathir. Seperkara lagi pada pilihan raya umum akan datang, pakatan pembangkang mahu mencabar BN, satu lawan satu.

Bagaimanapun terdapat sedikit masalah apabila penyokong Pas berkemungkinan tidak akan memberi undi mereka kepada DAP. Satu lagi masalah, ramai penyokong pakatan pembangkang yang selama ini mahu menumbangkan Dr. Mahathir keliru dengan perkembangan politik semasa.

BAGAIMANA MASA DEPAN PAS?

AKHBAR *Nanyang Siang Pau* bertarikh 23 Januari 2017 pula meramalkan tentang masa depan Pas yang ketika ini bergerak secara solo terutama bagi menghadapi cabaran PRU-14 akan datang. Artikel yang bertajuk, *Pas tidak dapat capai apa-apa* hasil tulisan, Cheah See Kian dalam ruangan *Pandangan*, halaman A13 itu membincangkan pelbagai perkara berkaitan khususnya nasib Pas dalam pilihan raya umum berkenaan sekiranya terus berkeras untuk bergerak secara sendiri.

Lebih-lebih lagi sekiranya berlaku pertandingan tiga penjujur iaitu antara BN, pakatan pembangkang dan Pas dalam satu-satu kawasan. Pasti keputusannya nanti sama ada BN atau pun pembangkang yang akan menang. Pas akan terima padah jika terus berdegil untuk tidak bergabung. Itu yang dikatakan Pas tidak dapat capai apa-apa. Ini jugalah yang dikatakan PKR dan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) lebih memahami kelemahan Pas.

Pas kini sudah menjadi sebuah parti pembangkang yang tersendiri. Hubungan mereka dengan UMNO juga kadang-kadang dekat dan kadang-kadang jauh. Yang pasti, model politik kedua-dua parti ini tidak jelas.

Sebenarnya perpecahan di antara parti pembangkang begitu ketara dan mungkin hal itu adalah di luar jangkaan Dr. Mahathir. Seperkara lagi pada pilihan raya umum akan datang, pakatan pembangkang mahu mencabar BN satu lawan satu.